

09 MAR 2001

Nik Aziz-Pertemuan

NIK AZIZ SAMBUT BAIK KENYATAAN DR MAHATHIR MENGENAI PERTEMUAN

KOTA BAHARU, 9 Mac (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pertemuan yang dicadangkan antara kedua-dua parti itu adalah bagi membincangkan perkara membabitkan kepentingan orang Melayu.

"Kenyataan Perdana Menteri itu adalah benda molek (elok)," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Kuala Pak Amat hari ini.

Bagaimanapun Nik Aziz, yang juga Menteri Besar Kelantan, enggan mengulas lanjut kerana, katanya, beliau tidak menduduki jawatankuasa teknikal Pas mengenai pertemuan yang dicadangkan itu.

Semalam Dr Mahathir menyatakan bahawa pertemun Umno-Pas yang dicadangkan mengenai perpaduan Melayu adalah untuk membincangkan perkara yang membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata perbincangan mengenai perkara itu perlu berikutan adanya usaha kumpulan tertentu untuk mencabar dan mempersoalkan hak-hak berkenaan.

Nik Aziz berkata bagaimanapun bagi menjayakan pertemuan yang tertangguh itu, Umno perlu terlebih dahulu menunaikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pas.

Syarat itu ialah Harakah dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu semula, bayaran royalti minyak dikembalikan kepada kerajaan Terengganu dan cadangan Umno supaya dilarang penggunaan perkataan Islam pada nama parti politik, ditolak.

"Nasihat saya terima syarat itu, kami dah putus dalam jawatankuasa agung parti dan tidak boleh diubah," katanya.

Beliau berkata Pas dari dahulu lagi amat berminat untuk membuat pertemuan (muzakarah) dengan Umno tetapi pertemuan yang dirancang sekarang mungkin tidak menjadi kenyataan sekiranya Umno enggan menunaikan permintaan Pas itu.

Nik Aziz berkata Pas perlu menetapkan syarat-syarat berkenaan sebagai langkah berhati-hati.

-- BERNAMA

WM BD NMO